

## Unsur RHD & Anti D


### Melindungi generasi akan datang

Kemungkinannya anda baru sahaja diberitahu bahawa anda memerlukan satu suntikan zat yang dikenali sebagai “Anti-D” dan anda mungkin tertanya-tanya apakah ianya dan mengapa anda memerlukannya.

Risalah ini menjawab kedua-dua soalan di atas dan juga menerangkan mengapa suntikan yang ringkas ini boleh memberikan anda perlindungan sepenuhnya yang anda perlukan-kini dan di masa akan datang.

### Unsur RHD

Wanita mengandung boleh kerap kali tergolong dalam kumpulan darah yang berlainan dengan anak-anaknya. Ini sering kali normal sepenuhnya dan selalunya tidak merupakan satu masalah. Namun, dalam lebih kurang 1 dalam 10 kehamilan, kumpulan darah ini berbeza dalam satu cara tertentu yang utama, dan ini melibatkan sama ada kewujudan atau ketidakwujudan pada permukaan sel darah merah, asalnya dipanggil sebagai ‘Unsur Rhesus’. Kini ia dirujuk dengan ringkas sebagai Unsur RhD.



Jika anda membawa unsur RhD ini dalam sel darah merah, anda dikenali sebagai RhD-Positif. Jika sebaliknya, anda dikenali sebagai RhD-Negatif.



## Bagaimana Unsur RhD boleh mempengaruhi anda

Kadangkala, sejumlah darah yang kecil boleh memindah silang dari peredaran bayi dalam plasenta dan memasuki aliran darah ibunya.

Ini selalunya terjadi sejurus sebelum kelahiran dan adalah agak normal, dan berlaku dalam  $\frac{3}{4}$  daripada kehamilan yang normal. Namun, pemindahan darah yang sebegini boleh juga berlaku selepas kejadian yang tertentu seperti keguguran tanpa niat atau keguguran dengan niat.

Jika pemindahan darah ini berlaku daripada seorang bayi RhD-Positif kepada ibu RhD-Negatif, maka sistem imun ibu akan mendapati bahawa darah bayi tersebut sebagai “bahan asing” dan akan menghasilkan antibodi yang memusnahkan kesemua darah bayi dalam peredaran ibunya.

Sistem imun ibu menyimpan memori tentang bagaimana untuk menghasilkan antibodi ini, yang memberikannya keupayaan untuk mewujudkannya dengan lebih cepat dan dalam jumlah yang lebih besar di masa hadapan jika diperlukan.

Ini hanya menjadi satu masalah semasa kehamilan yang seterusnya jika bayi tersebut juga RhD-Positif dan wujud satu lagi pemindahan darah bayi merentasi plasenta. Sistem imun ibu menggunakan memorinya untuk menghasilkan antibodi seperti sebelumnya. Ini kemudiannya boleh merentasi semula plasenta dan mula memusnahkan darah bayi dalam peredaran bayi tersebut sebelum kelahiran.

Bayi-bayi yang mengalami masalah ini dikatakan mempunyai Penyakit Haemolitik bagi Bayi Baru Lahir, atau sebagai ringkasannya HDN.

## Mendapatkan Perlindungan daripada Anti-D

Para doktor, jururawat dan bidan sangat mengetahui tentang masalah ini dan boleh melindunginya daripada terjadi dengan memberikan suntikan Anti-D kepada ibu (Sila baca maklumat tentang produk yang boleh didapati dalam pek)

Anti-D berfungsi dengan cara memusnahkan semua darah dari bayi yang wujud dalam peredaran ibu sebelum ibu tersebut boleh menghasilkan antibodinya sendiri.

Ini bermaksud bahawa ibu tersebut tidak mempunyai antibodi-antibodi yang boleh digunakan untuk menghasilkan HDN semasa ibu tersebut mengandung di masa akan datang.

Oleh itu, satu suntikan Anti-D yang ringkas akan melindungi kedua-dua ibu dan anaknya jika wanita itu mengandung sekali lagi di masa akan datang.



## Jika anda waswas, tanya

Bidan, doktor atau jururawat anda akan berasa gembira untuk memberitahu anda dengan lebih terperinci tentang Unsur RhD dan apakah kepentingannya untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan, atau jika waswas tentang suntikan, jangan berasa takut untuk bertanya.

*Nama bidan anda:*

.....

*Alamat untuk Dihubungi:*

.....

.....

.....

.....

*Nombor Telefon:*

.....

Perkhidmatan Maklumat Pesakit dari:



BPL adalah sebuah unit Lembaga Darah Kebangsaan (NBA)  
NBA adalah satu Lembaga kesihatan khas dalam NHS.

Makmal Produk Bio, Dagger Lane, Elstree  
Hertfordshire. WD6 3BX, UK  
Telefon: 020 8258 2200  
[www.bpl.co.uk](http://www.bpl.co.uk)